



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEMBILAN BELAS
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

(JURNAL HARIAN)

**PADA HARI SABTU, 18 SYA'ABAN 1444 / 11HB MAC 2023
(HARI KETUJUH)**

1. DO'A SELAMAT

2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

2.1. KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

- 2.1.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri iaitu Tajuk SC01A.
- 2.1.2. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II telah menyampaikan mukadimahnya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.
- 2.1.3. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II dan juga Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, iaitu:
 - i. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan
 - Ingin mengetahui jenis bantuan yang boleh dihulurkan oleh pihak Kedutaan Negara Brunei Darussalam di luar negara kepada rakyat Negara Brunei Darussalam yang mengalami kesusahan dan kecemasan semasa berada di luar negara; dan apakah langkah kerajaan dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan rakyat Negara Brunei Darussalam khususnya sukarelawan yang melaksanakan misi-misi bantuan di luar negara.
 - ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub

- Ingin mengetahui apakah usaha-usaha pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri untuk membantu memperkenalkan dan mempromosikan produk-produk Negara Brunei Darussalam ke luar negara.
- iii. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman
- Mencadangkan bagi pihak kedutaan Negara Brunei Darussalam di luar negara untuk mengadakan aktiviti-aktiviti dan majlis-majlis berbentuk kebangsaan serta keagamaan;
 - Ingin mengetahui rekod-rekod kes penyeludupan manusia yang melibatkan warganegara Brunei Darussalam di luar negara.
- iv. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin
- Mencadangkan untuk membukakan peluang pekerjaan kepada belia tempatan untuk bekerja di pejabat perwakilan Negara Brunei Darussalam di negara luar;
 - Ingin mengetahui tindakan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bagi menangani imej negara yang disebabkan oleh anasir-anasir negatif di luar negara.
- v. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin
- Ingin mengetahui jumlah keramaian rakyat Negara Brunei Darussalam yang dipenjara di luar negara dan apakah kaedah pemantauan yang dijalankan bagi memantau kesejahteraan mereka;
 - Memohonkan pencerahan apakah pihak kementerian dapat memberi nasihat atau saranan kepada ahli perniagaan atau rakyat Negara Brunei Darussalam yang ingin pergi ke negara-negara yang tiada kedutaan Negara Brunei Darussalam ditempatkan serta apakah alternatif yang telah dibuat sekiranya mereka ingin untuk memohon perlindungan.
- vi. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin
- Mencadangkan untuk mengeksport tenaga kerja mahir tempatan ke negara-negara yang memerlukan;

- Mencadangkan untuk menubuhkan satu agensi di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri untuk menerajui dan menyediakan pembangunan ekonomi Negara Brunei Darussalam di luar negara.
 - vii. Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann
 - Ingin mengetahui sekiranya ada program-program jati diri yang telah dianjurkan oleh pihak Kerajaan kepada pelajar-pelajar Brunei di seberang laut; dan menyeru bagi program-program tersebut untuk diadakan secara berkala di universiti atau kolej sebagai aktiviti wajib atau sampingan.
 - viii. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir
 - Mencadangkan agar produk-produk tempatan ini disediakan *mini gallery* di setiap pejabat kedutaan yang berfungsi sebagai tempat rujukan dan penyaluran maklumat.
- 2.1.4. Tajuk SC01A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

2.2. KEMENTERIAN PENDIDIKAN

- 2.2.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Pendidikan iaitu Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A.
- 2.2.2. Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menyampaikan mukadimahya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Pendidikan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.

[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI ISNIN, 13HB MAC 2023 JAM 9.30 PAGI]
